

01/09/2003

Warga kota sambut baik perkhidmatan terbaru

KUALA LUMPUR: Pelancaran rasmi perkhidmatan sistem KL Monorel mulai semalam membuktikan Malaysia mampu menyediakan sistem pengangkutan awam termoden dan canggih setanding negara maju.

Tinjauan Berita Harian, di sekitar Stesen KL Monorel mendapati warga kota mula bersesak untuk menaiki sistem bernilai RM1.18 bilion itu sejak jam 12 tengah hari, walaupun operasi dibuka kepada orang ramai jam 4 petang.

Kebanyakan mereka menyifatkan ia tepat pada masanya bagi mengurangkan kesesakan sekitar ibu kota, sekali gus menjadi pengangkutan alternatif, selain sistem pengangkutan rel lain, bas dan teksi.

Pekerja swasta, R Vijayan, 32, berkata beliau bersama isteri serta anaknya berada di Stesen KL Monorel Bukit Bintang sejak jam 1 tengah hari untuk menyaksikan pembukaan rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tidak ragu-ragu dan yakin dengan sistem pengangkutan itu walaupun perkhidmatannya pernah dikatakan kurang selamat berikutan kejadian satu rodanya jatuh dan menghempap orang yang melintas di bawah landasan itu.

"KL Monorel membelanjakan banyak wang membina sistem itu. Saya pasti ia selamat," katanya.

Sistem buatan Malaysia pertama meliputi laluan sepanjang 8.6 kilometer di Kuala Lumpur melalui 11 stesen itu menghubungkan banyak destinasi utama di bandar raya.

Ong Sin Kiat, 27, pula berkata sistem itu adalah langkah terbaik Malaysia untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas sekitar ibu kota, terutama kawasan segi tiga emas.

Beliau berpendapat, monorel mampu menarik warga kota menggunakannya kerana sistem itu hampir menyamai sistem rel lain iaitu LRT-Putra, LRT-Star dan komuter.

"Saya bangga menjadi rakyat Malaysia kerana mempunyai sistem pengangkutan canggih seperti negara maju. Oleh itu, kita mesti yakin dengan kemampuan Malaysia. Saya juga berpendapat budaya menaiki pengangkutan awam dapat diterap di kalangan warga kota dengan adanya sistem yang selesa itu," katanya.

Pelajar, Adib Syazani Kamaruddin, 17, pula sanggup datang bersama keluarganya dari Negeri Sembilan untuk mencuba perkhidmatan itu.

Katanya, pembukaan rasmi monorel pada Hari Kebangsaan adalah permulaan baik kerajaan menerapkan keyakinan kepada rakyat terhadap sistem yang dihasilkan tenaga tempatan.